



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CITRA, PERJUANGAN DAN KEDUDUKAN WANITA DALAM CERPEN  
TERBITAN AKHBAR *MAKKAL ŌSAI*

PRAMILAH A/P KUPPUSAMY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH (KESUSASTERAAN TAMIL)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

*Arumai utaiṭṭeṇpru acavāmai vēṇtum  
Perumai muyarci tarum (kural:611)*

(Seorang hendaklah melakukan tugasnya tanpa menjadi lemah dengan berfikir bahawa kononya tugas itu sangat sukar untuk disempurnakan; kebolehan agung, yang diperlukan (untuk menyempurnakan tugas itu) akan dijanakan oleh ketekunanya diri sendiri)

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa pihak yang menghulurkan bantuan secara langsung dan tidak langsung bagi menyiapkan dan melengkapkan penyelidikan ini. Saya amat bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa kerana izinnya kajian ini dapat disempurnakan dengan baiknya.

Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada Dr. Samikkannu Jabamoney Ishak Samuel, penyelia utama saya yang telah menyelia penulisan tesis ini. Beliau telah banyak memberi nasihat, tunjuk ajar, kritikan dan cadangan dan saranan beliau menjadi dorongan dan daya penggerak bagi diri saya sehingga penyelidikan ini berjaya dihasilkan. Seterusnya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada En. Rajenthiran, selaku penolong penerbit akhbar terbitan *Makkal Ōsai* dan pembantu-pembantu penerbitan akhbar *Makkal Ōsai* yang menghulurkan bantuan dengan memberikan maklumat, bahan-bahan penulisan, dokumen-dokumen primier dan sekunder kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada suami saya En Ravinthiran Rama, ibu bapa saya, anak-anak, adik-beradik serta rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak menghulurkan bantuan, dorongan, sokongan dan motivasi kepada saya untuk menjayakan tesis ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti imej wanita, menganalisis emansipasi wanita dan menghuraikan status wanita dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Makkal Ōsai* dari 2006 hingga 2017. Pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks berdasarkan teori ginokritik yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter telah digunakan untuk menjalankan kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 30 cerpen sahaja mencerminkan feminism daripada 624 cerpen yang telah diterbitkan dalam jangka masa 12 tahun tersebut. Daripada jumlah cerpen tersebut, aspek-aspek imej dapat dilihat sebagai ibu dalam 6 cerpen, isteri dalam 5 cerpen, anak gadis 4 cerpen, anak dan guru masing-masing 3 cerpen, anak dara tua dan kawan masing-masing 2 buah cerpen dan sebagai kakak, kekasih, menantu, mentua dan cucu masing-masing dalam sebuah cerpen sahaja. Dari aspek emansipasi pula, sebahagian besar wanita berjuang dengan sendiri menghadapi pelbagai rintangan, kesulitan dan tekanan emosi untuk mencapai emansipasi yang mendatangkan manfaat pada diri sendiri, keluarga, sesama wanita dan masyarakat. Dari segi pencapaian status, kesemua watak wanita yang dikaji berjaya mencapai atau mengejar cita-cita atau matlamat masing-masing selepas menempuh pelbagai kedua-dua dalam kehidupan. Kesimpulannya, walaupun wanita berjaya meningkatkan kedudukan dalam keluarga, masyarakat dan negara dengan menampilkan kecemerlangan dalam bidang dicebur, namun perlu memupuk matlamat, harapan, usaha dan komitmen serta bekerjasama sesama kaum wanita untuk mencapai status yang lebih tinggi dan mengecapai kejayaan. Implikasinya, dapatkan kajian ini dapat digunakan oleh semua pihak sebagai panduan tindakan untuk meningkatkan status wanita dalam semua ruang lingkup kehidupan mereka.





## ABSTRACT

### **Image, Emancipation and Status of Women as Depicted in the Fictional Stories Published by Makkal Ōsai Newspaper**

This study aims to identify the image of women, analyse their emancipation, and describe the status of women in the short stories published by Makkal Ōsai newspaper from 2006 to 2017. A qualitative approach namely library methods and text analysis methods based on gynocritics theory introduced by Elaine Showalter have been used to conduct this research. The findings of the study show that only 30 short stories reflect feminism out of 624 short stories that have been published in the 12-year period. The findings show that thirty short stories, the most illustrated are motherly images in six short stories, followed by images of wives in five short stories, young girls in four short stories, and images of children and teachers in three short stories. Subsequently, images of the spinsters and friends depicted in two short stories and of sister, lover, daughter-in-law, in-law dan grandchild each respectively depicted in a short story. In terms of emancipation, most women pursue their struggle with their own initiative to over come obstacles, difficulties and emotional pressures to achieve emancipation that benefits themselves, their families, fellow women and society. In terms of achievement of status, all of the female characters studied successfully achieved or pursued their goals or goals after experiencing various challenges. In conclusion, although women improved themselves as well the in family, community and nation by displaying excellence in every field, they need to cultivate goals, hopes, efforts and commitments and work with fellow women to achieve higher status and success. The implication is that this study can be used by all parties as a guide for improving the status of women in all spheres of their lives.





## KANDUNGAN

Muka surat

**PENGAKUAN** i

**PENGHARGAAN** ii

**ABSTRAK** iii

**ABSTRACT** iv

**KANDUNGAN** v



**SENARAI RAJAH** x

**SENARAI SINGKATAN** xi

**TRANSLITERASI** xii

### Bab 1

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	3
1.3	Pernyataan masalah	5
1.4	Objektif kajian	9
1.5	Persoalan kajian	9
1.6	Kepentingan kajian	10





1.7	Batasan kajian	13
1.8	Sumber kajian	16
1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	Feminisme	17
1.9.2	Citra	17
1.9.3	Perjuangan	19
1.9.4	Emansipasi	20
1.9.5	Wanita	21
1.9.6	Cerpen	22
1.9.7	Akhbar	24
1.10	Kesimpulan	25



## Bab 2

2.1	Pengenalan	27
2.2	Cerpen	28
1.2.1	Perkembangan cerpen Tamil	29
1.2.2	Perkembangan cerpen Tamil di Malaysia	29
1.2.3	Perkembangan akhbar Tamil di Malaysia	32
1.2.4	Sejarah Perkembangan Akhbar Makkal Ōsai	33
2.3	Teori Feminisme	34
2.3.1	Sejarah Feminisme	38
2.3.2	Feminis	40
2.4	Kajian-Kajian Terdahulu	41
2.5	Kesimpulan	71



**Bab 3**

3.1	Pengenalan	73
3.2	Reka Bentuk Kajian	74
3.2.1	Kerangka kajian	75
3.3	Kaedah kajian	77
3.3.1	Kaedah Kepustakaan	77
3.3.2	Kaedah Analisis Teks	78
3.4	Kaedah Pengumpulan data	79
3.4.1	Penelitian data	80
3.4.2	Mengenal pasti data	80
3.5	Teori Kajian	81
3.5.1	Proses Kemunculan Teori Ginokritik	82
3.5.1.1	Penulisan Wanita Dan Biologi Wanita	90
3.5.1.2	Penulisan Wanita Dan Bahasa Wanita	91
3.5.1.3	Penulisan Wanita Dan Psikologi Wanita	92
3.5.1.4	Penulisan Wanita Dan Budaya Wanita	93
3.6	Feminis Terpilih	94
3.6.1	Kerangka Teori	97
3.7	Kesimpulan	99

**Bab 4**

4.1	Pengenalan	101
4.2	Imej, Emansipasi Dan Status Wanita Dalam <i>Cerpen Makkal Ōsai</i>	101
4.2.1	Wanita Sebagai Isteri	102
4.2.2	Wanita Sebagai Ibu	131
4.2.3	Wanita Sebagai Anak Dara Tua	155





4.2.4 Wanita Sebagai Anak Perempuan	162
4.2.5 Wanita Sebagai Anak Gadis	180
4.2.6 Wanita Sebagai Kakak	195
4.2.7 Wanita Sebagai Kekasih Perempuan	199
4.2.8 Wanita Sebagai Kawan Perempuan	205
4.2.9 Wanita Sebagai Menantu Perempuan	213
4.2.10 Wanita Sebagai Guru Perempuan	216
4.2.11 Wanita Sebagai Ibu Mertua	233
4.2.12 Wanita Sebagai Cucu Perempuan	238
4.3 Kesimpulan	257

## Bab 5

5.1 Pengenalan	260
5.2 Analisis Dapatan Kajian	262
5.2.1 Mengenal pasti Imej Wanita Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Makkal Ōsai</i>	262
5.2.2 Menganalisis Perjuangan atau Emansipasi Wanita Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Makkal Ōsai</i>	273
5.2.3 Menghuraikan Status Wanita Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Makkal Ōsai</i>	283
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	292
5.4 Kesimpulan	293
Bibliografi	296





## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai cerpen yang dipilih	15
4.1	Wanita Sebagai Isteri	103
4.2	Wanita Sebagai Ibu	132
4.3	Wanita Sebagai Anak Dara Tua	156
4.4	Wanita Sebagai Anak Perempuan	163
4.5	Wanita Sebagai Anak Gadis	181
4.6	Wanita Sebagai Kakak	195
4.7	Wanita Sebagai Kekasih Perempuan	199
4.8	Wanita Sebagai Kawan Perempuan	205
4.9	Wanita Sebagai Menantu Perempuan	213
4.10	Wanita Sebagai Guru Perempuan	217
4.11	Wanita Sebagai Ibu Mertua	234
4.12	Wanita Sebagai Cucu Perempuan	239
4.13	Analisis Pencapaian Imej, Emansipasi Dan Status Wanita Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Makkal Ōsai</i>	243
4.14	Ciri-ciri Ginokritik Dalam Cerpen <i>Makkal Ōsai</i>	247
5.1	Analisis Citra atau Imej Wanita Dalam Cerpen-Cerpen <i>Makkal Ōsai</i>	263
5.2	Senarai Citra atau Imej Dalam Cerpen-Cerpen <i>Makkal Ōsai</i>	264





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
x

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1 Kerangka Kajian	76
2 Kerangka Teori	98



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

## SENARAI KATA SINGKATAN

UPSI	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN DRIS
SPM	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
UPSR	UJIAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH
UKM	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
MIC	MALAYSIAN INDIAN CONGRESS
UIAM	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
UITM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
NCWO	NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS
FMA	FEMININ MASCULIN AVENIR
PERTIWI	PERTUBUHAN TINDAKAN WANITA ISLAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

### VOWELS

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஓ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>	எ	:	<i>e</i>	ஓ	:	<i>ō</i>
ஏ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஓா	:	<i>au</i>

### CONSONANTS



ச	:	<i>c</i>	ஞ	:	<i>ñ</i>	ஜ	:	<i>r</i>
த	:	<i>t</i>	ண	:	<i>n</i>	ல்	:	<i>l</i>
த	:	<i>t</i>	ந்	:	<i>n</i>	வ்	:	<i>v</i>
ப	:	<i>p</i>	ம்	:	<i>m</i>	ஃ	:	<i>l</i>
ப	:	<i>r</i>	ன்	:	<i>n</i>	ள்	:	<i>l</i>

### SANSKRIT LETTERS

ং	:	<i>j</i>	শ	:	<i>s</i>
ং	:	<i>s</i>	কং	:	<i>ks</i>
হ	:	<i>h</i>			





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan adalah cermin masyarakat yang mengimbang kehidupan manusia. Sastera Tamil merupakan salah satu sistem yang tertua di dunia serta kaya dengan sejarahnya. Sastera cañkam memiliki karya-karya awal yang menunjukkan keindahan dan keunikan alam semulajadi dan kehidupan masyarakat. Masyarakat yang hidup pada masa silam memiliki nilai-nilai moral yang terpuji. Pada masa dahulu penyajak-penyajak silam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



telah menulis sajak yang memuji bahasa dan sastera Tamil (Balasubramaniam, C. 1991).

Perkataan sastera berasal daripada bahasa Sanskrit yang membawa maksud kitab suci Hindu (Ashraf Nordin, 1972). Sastera klasik Tamil dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *akam* (unsur dalaman rohani) dan *puram* (unsur luaran fizikal). Aspek percintaan, perasaan, keinginan dan sebagainya digolongan dalam *akam* manakala peperangan, kemenangan, kebendaan dan sebagainya digolongkan dalam kategori *puram*.

Sehingga kini banyak karya dihasilkan oleh peminat-peminat bahasa. Sebelum pengarang-pengarang menerbitkan karya masing-masing dalam bentuk buku, mereka menulis dalam surat khabar. Apabila karya mereka mendapat sambutan yang hebat mereka akan meneruskan menulis dalam surat khabar.

Terdapat pelbagai berita dalam surat khabar. Pengkaji melihat cerpen yang disiarkan dalam surat khabar *Makkal Ōsai* di Malaysia. Tajuk pengkaji ialah citra, perjuangan dan kedudukan wanita dalam cerpen terbitan *Makkal Ōsai*. Cerpen-cerpen yang disiarkan dalam akhbar Malaysia yang membicarakan tentang isu-isu kebudayaan dan kedudukan wanita telah memaparkan situasi sebenar pada zaman ini di negara kita. Walaupun telah memberi banyak peluang untuk meninggikan taraf wanita namun terdapat juga golongan wanita hidup dalam kesusahan. Di Malaysia selain daripada surat khabar, majalah dan media elektronik, cerpen juga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kesusastaraan Tamil (Dhandayutham, 1986).





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Hasil sastera bentuk cerpen merupakan sebuah sastera yang sangat popular dalam kalangan masyarakat. Walaupun cerpen wujud pada tahun 1930-an tetapi cerpen mula berkembang di negara kita sejak mencapai kemerdekaan iaitu pada tahun 1957 hingga sekarang. Cerpen memberi mesej yang mengandungi nilai murni yang sama tandingnya seperti genre novel.

Media massa di Malaysia, baik media elektronik maupun cetak, sentiasa memperuntukan ruang untuk wanita. Di televisyen dan radio, ruangan wanita ada di setiap saluran dan sesetengahnya amat popular dalam kalangan wanita Malaysia, misalnya Rancangan Nona di TV3. Majalah untuk wanita juga banyak di pasaran seperti majalah Pesona Pengantin, “MIDI”, majalah Anis, majalah Aniqah, majalah Eh!, majalah mingguan wanita, majalah Nona, majalah Nur, majalah Perempuan, majalah Seri Dewi & Keluarga dan majalah Dara.com. Majalah-majalah ini memuatkan pelbagai artikel termasuk kekeluargaan, perkahwinan, kesihatan, kewangan, psikologi, hias rumah, fesyen, citra wanita, gaya hidup, hobi, motivasi, resipi makanan, berita perkembangan kejayaan dan pencapaian wanita dan sebagainya. Akhbar harian juga sentiasa memperuntukkan ruangan untuk wanita. Semua bahan-bahan ini menyampaikan maklumat kepada wanita dari segi memberi tips kecantikan dan fesyen terkini. Melalui majalah-majalah seperti ini memberi kesedaran tentang hak wanita.





Akhbar dan para wartawan terutamanya dalam negara yang sedang membangun mempunyai peranan yang tertentu dan mereka juga seperti golongan professional dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat (Jamudin Idris, 1996). Dalam keadaan yang sedemikian, wartawan dan akhbar khususnya mempunyai tanggungjawab yang lebih besar. Wartawan dan akhbar juga bertanggungjawab memastikan agar kegiatan mereka tidak bercanggah dan tidak menghalang arus pembangunan negara.

Berger (1991) menerangkan bahawa berita adalah sesuatu yang terkini (baru) yang dipilih oleh wartawan untuk dimuatkan dalam akhbar sehingga dapat menarik atau mempunyai makna dan dapat menarik minat pembaca. Dalam akhbar bukan sahaja meliputi berita-berita terkini malah terdapat pelbagai maklumat yang berguna. Selain maklumat, terdapat cerita jenis pendek atau cerita panjang. Cerpen seperti ini ditulis berdasarkan pengalaman sendiri oleh pengarang atau cerita imiginasi.

Genre cerpen menggambarkan masyarakat serta menyampaikan mesej yang padat. Cerpen dibentuk berdasarkan tema sama ada tema utama atau tema sampingan sama seperti yang disampaikan dalam novel. Disamping itu, cerpen juga memaparkan pelbagai konsep dan perkara menerusi hasil pandangan dan pengalaman yang dialami oleh penulis. Penulis juga berkongsi pengalaman dan menyampaikan mesejnya melalui hasil cerpen. Antara tema yang selalu disampaikan oleh penulis ialah kewanitaan, keluarga, masyarakat, kasih sayang, penceraian, perasaan cinta dan sebagainya.

Walaupun cerpen merupakan satu cerita yang ringkas yang mengandungi semua aspek seperti dalam noval tetapi cerpen disampaikan dalam lingkungan 6-10 muka surat





dan tidak akan mengambil masa yang lama untuk membaca. Cerpen ditulis berdasarkan satu pengalaman atau satu perkara. Cerpen menghiburkan masyarakat dan mengisi masa lapang masyarakat pada masa dahulu.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Cerpen merupakan genre sastera yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Sasterawan Agilan telah menghuraikan cerpen sebagai karya ringkas dalam bentuknya yang mengisahkan sesuatu masalah yang dihadapi oleh seseorang individua atau masyarakat (Agilan, 2002).



ini adalah untuk mendalami unsur-unsur seperti citra, perjuangan dan kedudukan wanita dalam cerpen tempatan khususnya dalam cerpen-cerpen terbitan *Makkal Ōsai*. Pada masa ini pengarang-pengarang tempatan tidaklah menulis tentang hal wanita berbanding dengan pada masa dahulu. Namun demikian pengkaji mencari permasalahan wanita dalam cerpen untuk mendapat perhatian daripada rakyat. Cerpen yang disiarkan dalam akhbar tempatan menjadi satu senjata yang melaungkan suara bantahan dan menentang keadaan yang menghina kaum wanita serta keadaan yang menyokong kaum wanita. Kajian ini juga dijalankan untuk mencari jawapan kepada persoalan yang berkaitan dengan imej, perjuangan dan kedudukan wanita dalam cerpen-cerpen *Makkal Ōsai*.





Dalam karya lelaki, pengarang lelaki telah mendominasikan keseluruhan watak wanita dalam penulisannya. Melalui cara ini wanita dikatakan tidak memperoleh sebarang faedah daripadanya kerana pengalaman sebenar wanita tidak diketengahkan, sebaliknya hanya menunjukkan bahawa wanita masih berada dalam kelompok bisu dan sekali gus menyerlahkan dominasi lelaki dan subordinasi wanita. Permasalahan ini perlu dirungkai dengan mengalihkan tumpuan kepada penulisan oleh wanita tentang wanita. Kajian perlulah dilakukan terhadap teks-teks yang dihasilkan oleh pengarang wanita bagi mencari keseimbangan antara gambaran lelaki dan wanita tentang wanita. Oleh sebab itu, kajian ini dihasilkan untuk mengatasi permasalahan tersebut dengan menumpukan terhadap cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh pengarang wanita.



pengalaman mereka dengan memanfaatkan gaya penulisan sendiri. Usaha ini diharap dapat menemui dan memperoleh semula suatu cara penandaan, suatu bahasa yang boleh memberi suara kepada hasrat serta bisikan kalbu wanita. Hal ini selaras dengan pandangan golongan feminis bahawa wanita sepatutnya bertindak untuk menegakkan dan mengekalkan identiti kewanitaan mereka. Bagi tujuan itu, wanita memerlukan kritikan yang baru bagi menilai hasil-hasil penulisan tentang mereka dan juga sebagai satu *alternative* untuk keluar daripada tradisi sebelumnya. Sebagai jawapannya, kaedah bacaan ginokritik telah dikemukakan oleh Elaine Showalter untuk meneliti teks-teks ciptaan wanita. Ginokritik merupakan satu kaedah yang dapat digunakan untuk memerihalkan karya pengarang oleh wanita.





Elaine Showalter dalam *A Literature of Their Own* (1977) membuktikan bahawa wanita mengarang dengan cara yang berbeza disebabkan pengalaman mereka yang berbeza dengan lelaki. Perbezaan pengalaman inilah yang kemudian mempengaruhi bahasa yang digunakan oleh pengarang wanita. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut dilakukan terhadap hasil penulisan pengarang wanita Inggeris. Kajian Citra, Perjuangan dan Kedudukan Wanita Dalam Cerpen Terbitan Akhbar *Makkal Ōsai* dalam penulisan wanita di Malaysia belum pernah dikaji dan dibincangkan secara khusus.

Selain itu, pengkaji juga berpendapat bahawa satu kajian yang komprehensif tentang wanita-wanita India perlu dibuat. Idea ini tercetus setelah meneliti berlakunya persaingan antara realiti kehidupan wanita dengan gambaran peranan wanita serta perjuangannya yang dipaparkan dalam sesebuah karya sastera yang meletakkan wanita sebagai pendukung utama karya. Tambahan pula, kewujudan peranan wanita yang ditampilkan dalam perbincangan sebagai asas penulisan genre sastera moden untuk abad ini dan masa hadapan ternyata kurang dilaksanakan oleh penulis-penulis sastera. Oleh yang demikian sukar bagi kita untuk menentukan peranan wanita yang patut diwujudkan dalam sesebuah karya sastera. Hal ini disebabkan oleh perubahan peranan wanita mengikut peredaran zaman. Pada masa yang sama peranan wanita tidak boleh digambarkan melampaui batasan sehingga melanggar hukum agama selain daripada mereka dieksplotasi sewenang-wenangnya.

Penulis-penulis ini telah menyelongkar dan menerapkan permasalahan wanita dalam peranan wanita dalam realiti kehidupan zaman moden ini. Para penulis ini cuba memaparkan hal-hal yang berkaitan dengan wanita darisegi aspek sosial,budaya,





pendidikan, ekonomi dan politik. Di samping itu demi mendapatkan kebebasan bagi kaum wanita, mereka telah menyelitkan masalah yang dihadapi itu dan wanita tampil berani dalam menangani masalah itu, berkemampuan dalam karya mereka supaya imansipasi wanita diberi perhatian. Wanita yang diwujudkan oleh penulis-penulis wanita pada zaman sains dan teknologi ini bebas bergerak sehingga memiliki kerjaya yang baik, giat dalam kerja-kerja amal, persatuan, bebas bersuara, berpeluang mendapatkan pendidikan hingga ke peringkat yang lebih tinggi, dapat mengubah cara berfikir yang dahulunya hanya boleh menerima tetapi tidak boleh bersuara dan bebas memilih hala tuju kehidupan yang dirasakan sesuai dengan agama, budaya dan bangsa.

Kajian citra wanita dalam cerpen terbitan akhbar *Makkal Ōsai* merupakan satu

kajian yang amat bermakna bagi masyarakat India di negara ini. Hal ini demikian kerana segala masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dapat dikupas lebih mendalam dan teliti oleh para cerpenis *Makkal Ōsai*. Kajian ini juga membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan wanita di Malaysia. Isu-isu ini yang menjadi punca penghalang pembangunan masyarakat India kerana masyarakat India telah dan sedang menghadapi pelbagai masalah dalam menuju kemajuan. Cerpen-cerpen Tamil dalam akhbar ini dapat menyiarkan imej, emansipasi dan kedudukan wanita di negara ini. Hasil penulisan ini mengimbas kembali kehidupan wanita pada masa dahulu. Di samping itu, masalah-masalah yang telah dihadapi oleh wanita masyarakat India di negara ini juga turut menjadi intipati cerpen-cerpen terbitan akhbar tersebut. Melalui kajian ini pengiktirafan oleh golongan masyarakat kepada golongan wanita adalah penting dalam memastikan golongan ini mendapat hak dan peluang untuk menyumbang kepada masyarakat dan pembangunan negara.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian dalam penyelidikan ini adalah:

- i. Mengenal pasti citra wanita dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Makkal Ōsai*.
- ii. Menganalisis perjuangan wanita dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Makkal Ōsai*.
- iii. Menghuraikan kedudukan wanita dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Makkal Ōsai*

## 1.5 Persoalan Kajian



Secara khusus kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan, Antaranya:

- i. Apakah citra wanita digambarkan dalam cerpen terbitan akhbar *Makkal Ōsai*?
- ii. Bagaimanakah perjuangan wanita telah digambarkan oleh cerpenis dalam cerpen akhbar *Makkal Ōsai*?
- iii. Bagaimanakah kedudukan wanita yang dipaparkan dalam cerpen akhbar *Makkal Ōsai*?





## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian seumpama ini iaitu kajian tentang cerpen penting terutama dengan timbulnya penulis-penulis yang mengkaji tentang hal wanita. Dalam penulisan sesuatu cerpen penulis hanya mementingkan cerita bacaan yang ringan tanpa meletakkan pemikiran, konsep serta falsafah untuk tatapan pembaca. Seharusnya sudah sampai masanya untuk masyarakat menerima cerpen-cerpen sebagai bacaan penting mereka yang menganggap pelbagai realiti masyarakat yang didedahkan secara terbuka.

Surat khabar adalah satu cara komunikasi yang baik antara penulis dengan khalayaknya. Kajian ini akan memperkatakan tentang citra, perjuangan dan kedudukan wanita, kekeluargaan, politik, perjuangan, cita-cita dan lain-lain yang terdapat di dalam cerpen akhbar *Makkal Ōsai*. Surat khabar juga adalah sebagai satu cabang penulisan yang memberikan panduan, pengajaran dan pedoman kepada masyarakat pembaca.

Biarpun cerpen-cerpen yang disiarkan pendek, tetapi di dalam kesederhanaan itu tersembunyi makna yang berlapis-lapis. Setiap wataknya harus diambil kira bagi memahami serta menghargai akan sifat dan unsur-unsur positif yang diterapkan pada mereka oleh penulis cerpen. Kebanyakan cerpen menyentuh pelbagai perkara yang melindungi masyarakat India yang ternyata begitu rapat dengan sentimen kemanusiaan, kemasyarakatan, keagamaan dan lain-lain. Perincian setiap persoalan dalam cerpen-cerpen hanya dapat diselami dan diuraikan secara lebih bermakna melalui pendekatan falsafah dan pemikiran dengan menjurus kepada hal-hal yang





berkaitan dengan wanita. Pengetahuan ini perlu untuk mengenal lebih dekat akan masyarakat India dan juga dapat mengukur dan menilai aspek nilai kemanusiaan. Secara tidak langsung, maklumat dan dapatan yang diperoleh daripada kajian ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat khususnya masyarakat India. Pembaca akan memahami manusia khususnya emosi wanita di sekitarnya dan menghormati wanita ke arah melahirkan masyarakat yang seimbang dan harmoni.

Dalam kajian ini golongan pengarang wanita turut memberikan sumbangan yang besar kepada khazanah sastera Tamil. Mereka menghasilkan karya untuk dijadikan saluran bagi memaparkan pengalaman hidup mereka sebagai wanita. Mereka juga memanfaatkan penulisan kreatif bagi melontarkan suara yang terpendam dalam diri ketika berdepan dengan tanggapan serta kekangan masyarakat yang masih bertunjangan pengaruh patriarki. Kehadiran golongan pengarang wanita dalam kesusasteraan Tamil adalah untuk melukiskan sendiri citra dalaman dan luaran diri daripada perspektif mereka sendiri kerana mereka sudah muak menatapi citra diri mereka yang digambarkan oleh pengarang lelaki.

Golongan feminis berpendapat bahawa wanita sendiri adalah pihak yang paling wajar dan berwibawa untuk berbicara tentang untung nasib mereka dan bukannya lelaki. Dalam pada itu, kehadiran pengarang wanita dalam dunia kesusasteraan dilihat sebagai usaha untuk mengubah corak pelukisan wanita yang digarap oleh pengarang lelaki. Mereka seolah-olah menyahut seruan untuk berjuang bagi menyedarkan kaum wanita supaya tampil untuk memaparkan pengalaman hidup mereka melalui penulisan. Malah golongan ini juga tidak ingin lagi melihat diri wanita dilukis dan diwarnakan





secara tidak adil oleh pengarang lelaki. Oleh sebab itu, timbul kesedaran dalam kalangan wanita bahawa mereka harus menampilkan diri bukan hanya sebagai pembaca malah sebagai pengarang, pengeluar, penghasil dan pengkritik. Permasalahan tersebut akan dibincangkan dalam kajian ini sebagai satu usaha untuk menerokai karya-karya pengarang wanita.

Kajian yang dianalisis oleh pengkaji ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang kehidupan golongan wanita di Malaysia. Contohnya memaparkan watak wanita dalam cerpen adalah seperti hidup dalam keadaan yang susah, pengorbanan dan halangan atau cabaran yang perlu dilalui serta masalah rumah tangga yang berlaku dalam kehidupan masyarakat India. Dalam kajian ini, nilai kemanusiaan adalah penting kerana ia mencerminkan isu dan masalah, peristiwa, pergolakan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat, pendidikan, politik, kesempitan dan kemiskinan masyarakat di luar bandar maupun di bandar. Permasalahan yang diwujudkan dalam kumpulan cerpen banyak memaparkan persoalan atau isu-isu yang sering berlaku dalam masyarakat. Situasi ini sebenarnya membantu menjadi teladan dan contoh yang berguna kepada masyarakat dalam menangani permasalahan yang banyak berlaku terhadap wanita pada masa sekarang.

Kajian cerpen Tamil di Malaysia juga diharapkan akan dijadikan rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan disamping mencipta dan menampilkan buku-buku, artikel dan sebagainya yang memaparkan tentang aspek kehidupan wanita berbangsa India di Malaysia. Kajian ini memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusastraan untuk mengenali





pengarang. Melalui kajian ini juga dapat sekaligus memberi peluang serta menikmati, mempelajari dan meneladani pemikiran serta falsafah hidup daripada cerpen tempatan.

### 1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih cerpen-cerpen Tamil dalam akhbar *Makkal Ōsai* yang diterbitkan pada tahun 2006 hingga 2017 oleh cerpenis-cerpenis wanita tempatan. Jangkamasa ini dipilih kerana akhbar ini sukar untuk didapat. Selain itu, pada masa inilah boleh melihat kemajuan wanita yang terkini dan kehidupan wanita yang terkini.

Akhbar keluaran hari Ahad sahaja dijadikan bahan rujukan sebab bahagian cerpen hanya diterbitkan pada hari Ahad sahaja. Kajian akan dihadkan kepada isu-isu wanita dalam sesebuah cerpen. Pengkaji membandingkan gambaran, masalah dan cara pemikiran kaum wanita melalui watak-watak wanita dalam cerpen-cerpen ini serta dikaitkan dengan situasi wanita di Malaysia. Skop ini juga dilihat bagaimana watak wanita berjaya dalam menangani masalah yang dihadapi itu kearah kebahagian semua.

Jika berbanding dengan dua puluh tahun kebelakangan, kebanyakan keluarga masyarakat India hidup di kawasan Ladang tetapi kini sudah berhijrah ke kawasan bandar. Pada masa itu wanita memang mengalami kesusahan dalam kehidupan seperti masalah kewangan, masalah pekerjaan, masalah daripada ahli-ahli keluarga ataupun suami sendiri, masalah persekitaran dan sebagainya. Tambahan lagi, kos sara hidup yang tinggi dengan pendapatan rendah mengheret mereka terlibat dengan isu-isu sosial.





Jadi pelbagai isu semasa mula muncul dalam kalangan mereka. Isu-isu dipilih sebagai tema dalam cerpen oleh cerpenis tempatan akan dikaji sebagai isu-isu wanita dalam kajian. Cerita dalam sesebuah cerpen boleh menjadi berguna kepada orang lain sekiranya tema yang diketegahkan adalah baik.

Sebanyak tiga puluh cerpen tersebut dipilih sebagai bahan kajian ini atas alasan tertentu. Pertama, kesemua cerpen ini digerakkan oleh watak wanita dan lelaki sebagai watak utama yang berbeza latar sosioekonomi serta latar masa dan masyarakat yang menampilkan pelbagai perasaan dalam menempuh kehidupan yang penuh rintangan dan halangan dalam kehidupan masing-masing. Lantaran itu, agak menarik jika teori Ginokritik dikupas berdasarkan watak-watak dalam cerpen. Selain itu, cerpen-cerpen ialah karya yang paling sesuai untuk meneliti teori Ginokritik kerana perwatakan, terutama pelbagai masalah, perjuangan dan cara-cara mengatasi masalah itu hanya dilakarkan secara terperinci dan mendalam dalam cerpen. Selepas membaca cerpen ini, kita boleh mendapat pengajaran yang berguna dalam kehidupan.





## Jadual 1.1

*Cerpen-cerpen yang dipilih untuk kajian ini:*

	<b>Cerpen</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Pengarang</b>
1	<i>Vennila</i>	12.2.2006	Munitcelvi, P.Pinang
2	<i>Uravugal ūsimunaiyil</i>	2.4.2006	Rukumani Loga, Ipoh
3	<i>Kāyanggal</i>	23.7.2006	Jayanthi Moganadass, Ipoh
4	<i>Vētanaikul Sātanai</i>	26.11.2006	Uma Sunthari, Melaka
5	<i>Bārathi Kanavu</i>	15.4.2007	Suntari Ponniah, Petaling Jaya
6	<i>Kanni Aval Tāyumānaval</i>	20.5.2007	Nesamani
7	<i>Vidiyal</i>	20.5.2007	Saras, P.Pinang
8	<i>Manthil Uruthi Vēndum</i>	7.8.2007	Tamil Malar, Batang Kali
9	<i>Thēvai Oru Māttram</i>	7.11.2007	Thulasi Annamalai
10	<i>Yār Kāranam</i>	1.6.2008	Santira Kuppan, Kapar
11	<i>Vidiyalai Nōkki</i>	29.6.2008	Paurnami, Tampin
12	<i>Nilal Nijamānathu</i>	1.2.2009	Eswari Sivaguru, Banting
13	<i>Staff Nurse Mona</i>	18.5.2009	Vāni Jeyarām, Bagan Serai
14	<i>Tāmaiyil Māgatthuvam</i>	29.3.2009	Senbagavalli, Sungai Siput
15	<i>Onrai Ilanthu Onrai</i>	5.4.2009	Jayanthi Moganadass, Ipoh
16	<i>Anaikka Maranthenō</i>	17.5.2009	Nirmala Rāgavan
17	<i>Sattiyamadi Thangam</i>	23.8.2009	Saraswathi Veeraputran, Kapar
18	<i>Manal Vīdu</i>	17.11.2013	Thilagawathi, Banting
19	<i>Tēba Oliyai Kandēn</i>	8.1.2015	Pavitra Kullinan, Seremban
20	<i>Ponggiyathu Ponggal</i>	11.1.2015	Santira Kuppan, Kapar
21	<i>Ilakkiyam Sumakkum Ithayanggal</i>	29.3.2015	Kusela Kumari, Sg.Petani Kedah
22	<i>Kālam Seiyum Kōlam</i>	16.8.2015	Annamāl, Bidong Kedah
23	<i>Yīram</i>	4.10.2015	Jayanthi Moganadass, Ipoh
24	<i>Mudivil Oru Thodakkam</i>	24.1.2016	Vanita Manoo, P.Pinang
25	<i>Veli</i>	25.9.2016	Vimala Reddi, Johor
26	<i>Sātanaiyum Vētanaitān</i>	4.12.2016	Saras, P.Pinang
27	<i>Aval Oru Tēvathai</i>	24.9.2017	Thulasi, Kuantan
28	<i>Mārum Niyāyanggal</i>	15.10.2017	Puvaneswari Ganesan, Tangkak
29	<i>Annai Enbaval</i>	22.10.2017	Suntari Ponniah, Kelana Jaya
30	<i>Manimoli</i>	12.11.2017	Turga TheviSauntararajan, Kulim Kedah





## 1.8 Sumber Kajian

Secara amnya, metodologi kajian akan diperlakukan dalam menganalisis kajian mengenai feminism dalam cerpen Tamil akhbar *Makkal Ōsai*. Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif, iaitu analisis surat khabar *Makkal Ōsai* khususnya terbitan hari Ahad. Ini disebabkan pada hari Ahad sahaja terdapat cerpen. Selain itu, Bahan bacaan yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti buku, artikel, kertas kerja, jurnal dan kajian sarjana-sarjana yang lalu akan didapatkan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sultan Idris, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Jabatan Kesusastraan Melayu (Akademik Pengajaran Melayu), Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti

Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Negara. Bahan bacaan yang digunakan adalah sebagai informasi pelengkap demi mengukuh kerelevan kajian ini. Selain itu, bahan bacaan tambahan yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini termasuklah media elektronik seperti laman web akan digunakan untuk mendapat maklumat yang lebih terkini.

## 1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh pembaca. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep bagi memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut.





Konsep merupakan sesuatu elemen yang penting bagi mengenalpasti definisi atau tafsiran sesuatu perkara dalam beberapa dimensi. Ini juga penting dalam kajian kerana bertindak sebagai platform kepada pengkaji mengenai apa yang akan dikajinya (Syed Arabi Idid, 1998:26). Sehubungan dengan itu, pengkaji menjelaskan konsepnya berasaskan pandangan yang ingin diterangkan dan juga berdasarkan kehendak kajian semasa.

### 1.9.1 Feminisme

Terminologi feminism pertama kali digunakan pada tahun 1871, dalam sebuah teks kedoktoran Prancis, untuk menjelaskan akhir perkembangan organ-organ seksual dan karakteristik kesabaran pria yang dipercayai menderita kerana feminisasi tubuhnya. Sejak pertengahan abad ke-19 terminologi digunakan ketika perempuan mempertanyakan statusnya yang inferior dan menuntut kebaikan posisi sosial mereka (Freedman, J. 2001). Feminisme dalam terminologi umum dapat didefinisikan sebagai sebuah advokasi hak-hak bagi perempuan kepada kesetaraan dengan pria dalam semua bidang kehidupan.

### 1.9.2 Citra

Abdullah Tahir (2003:26) menyatakan imej atau citra wanita yang pernah digambarkan oleh penulis dalam cerita berbeza-beza mengikut kematangan pemikiran pengarang dan





situasi sosial, politik dan ekonomi. Pembicaraan wanita dalam karya kesusasteraan terutamanya dalam hasil karya moden kini mendapat perhatian, memandangkan kepada peranan golongan wanita dalam kehidupan dewasa ini. Dengan citra wanita, ini tidak dapat disamankan dengan konsep feminism kerana feminism lebih menunjukkan kekuatan atau dominasi ciri-ciri kewanitaannya. Oleh yang demikian, citra atau imej wanita di sini bermaksud gambaran wanita sama ada dari segi fizikal, peranan dan penglibatannya sebagai tokoh yang menggerakkan cerita.

Menurut Mana Sikana (2005:297), ruang penelitian adalah luas dan panjang jika seorang pengkaji menggunakan pencitraan wanita. Walau bagaimanapun dalam penelitian ini, kita perlu berhati-hati dalam memberi fokus kepada watak-watak wanita.

Menurut beliau kritikan seumpama ini pertama, perlu membayangkan realiti wanita yang sebenar. Manakala yang kedua pula ialah teks yang dikaji dihubungkan dengan masyarakat terutamaanya dalam penentangannya ketidakadilan sistem masyarakat, politik serta kuasa. Menurut beliau juga kajian mestilah berfokus kepada peranan untuk memberontak terhadap segala kezaliman dan usaha kemerdekaan serta kebebasan.

Perkataan citra berasal daripada perkataan '*image*' dalam bahasa Inggeris. Terdapat beberapa kata kunci yang penting berhubung dengan istilah ini. Antaranya ialah gambaran atau tanggapan (pembaca), kreativiti persembahan atau pelukisan objek (pengarang) dan ketepatan penggunaan kata-kata dalam sesuatu karya (Maniyamin Bin Haji Ibrahim, 2005:3).





Citra sebagai gambaran atau tiruan bentuk seseorang atau sesuatu objek yang tergambar dalam fikiran. Bentuk ini terukir atau dicipta atau digambarkan untuk menjadi model bagi menyatakan sesuatu pengertian. Citra memainkan peranan dengan menggambarkan satu sensasi melalui proses yang disebut pengalaman yang lalu tentang sesuatu yang menarik. Citra adalah satu bahagian pokok daripada pengertian dalam karya kesusasteraan (Glosari Istilah Sastera, 1988).

Istilah citra sebenarnya mengandungi pengertian yang sangat subjektif. Definisi yang diberikan oleh kamus dan tokoh-tokoh kesusasteraan boleh dijadikan panduan. Citra adalah imej dan imej tercipta daripada perkataan Inggeris, image yang telah dipilih menjadi istilah Melayu imej. (Ezra pound, 1970) menyebut citra sebagai gambaran yang akan melahirkan kesan intelektual dan perasaan yang kompleks melalui keserasian idea yang padu untuk disampaikan kepada pembaca.

### 1.9.3 Perjuangan

Wan Abdul Hamid Wan The (1998), menyatakan bahawa hakikatnya perjuangan yang diperjuangkan oleh wanita kini ialah hak mereka menampilkkan diri dalam masyarakat dan dalam batas kemampuan mereka. Mereka memohon agar hak mereka dilindungi dan dipertahankan. Rata-rata, wanita tidak rela dipermainkan dan jauh sekali diperdagangkan. Akan tetapi dalam usaha penonjolan diri, wanita perlu mengelakkan diri daripada menjadi kelompok yang asing daripada hakikat diri mereka sebagai rakan kongsi dalam urusan hidup insan seluruhnya. Penampilan diri sebagai alat hiburan





lelaki yang didagangkan cukup untuk meletakkan mereka sebagai barang dagangan, bukan sebagai rakan dagang sekiranya mereka hanya sebagai suri rumah sepenuh masa.

Perjuangan yang berdifikat feminism di negara ini telah didorong oleh kegagalan sebilangan wanita yang kurang berketerampilan dari segi menangani masalah dan krisis perkahwinan dan rumah tangga, hubungan seksual, konsep perkongsian hidup dengan pilihan sendiri, perasaan ego wanita, kegagalan dan pengalaman buruk dengan lelaki, sentiment antilelaki dan masalah keperibadian wanita yang sukar diatasi. Dari aspek yang lain, Gerakan feminism merupakan satu kesatuan dan perjuangan yang bertujuan untuk membela nasib kaum wanita yang menjadi mangsa ketidakadilan kaum wanita (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2002).



#### 1.9.4 Emansipasi

Umar Junus (1998), memberikan pengertian emansipasi kepada tiga konsep yang berbeza. Pertama, fenomena yang berhubung dengan persoalan cinta dan seks. Kedua, fenomena yang berkaitan dengan gerak emansipasi dalam hubungan ikatan kekeluargaan, misalnya dalam masyarakat Minangkabau yang terbatas pada keutuhan rumah tangga tanpa campur tangan orang di luar keluarga ini. Ketiga, emansipasi dalam hubungan memodenkan perempuan untuk berdiri sendiri, sama dengan lelaki.

Emansipasi berasal daripada perkataan ‘*emancipate*’ tetapi telah menjadi ‘emansipasi’ dalam perkataan bahasa Melayu (Tenku Iskandar, 1996). Emansipasi





Wanita atau juga dikenali sebagai ‘*Women’s Liberation*’ atau ‘*Women’s Rights*’ atau ‘Feminisme’ adalah istilah-istilah yang digunakan mempunyai kaitan dengan gerakan pembebasan wanita (Joan Cassell, 1977). Dalam kajian ini, pengkaji cuba mengulas penghuraian istilah berdasarkan istilah-istilah tersebut untuk mencari maksud sebenar emansipasi wanita dan hubung kait wanita dengan masyarakat.

### 1.9.5 Wanita

Menurut Siti Khariah Mohd Zubir (2007), peranan wanita bukan lagi sekadar menjaga anak, memasak, mengurus rumah tangga malah wanita hari ini masti turut serta dalam



membuat dasar dan melibatkan diri dalam aktiviti bersama masyarakat di samping memastikan ikatan kekeluargaan yang kukuh dan mesra terus terjalin.

Abdul Halim Ali (2005), menyatakan bahawa wanita merupakan seorang yang mempunyai perwatakan yang lembut, senantiasaikhlas dan berusaha bersungguh-sungguh dalam menghadapi sesuatu. Golongan ini senantiasa sabar dengan ragam kehidupan yang kian mencabar sejak dari dahulu lagi. Wanita juga merupakan salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia.

Menurut Neal M (1977), wanita ialah perempuan yang menpunyai anak, ibu yang menghabiskan masanya untuk menjaga anak. Dia adalah suri rumah tangga di mana tugasnya adalah mengemas rumah, menyediakan makanan, mencuci dan menggosok pakaian. Pada prinsipnya, ia adalah seorang isteri yang berkhidmat untuk suami. Dia





juga berupaya untuk berkhidmat di luar rumah di samping mempunyai perasaan kasih sayang terhadap keluarga.

### 1.9.6 Cerpen

Cerpen ini bukanlah sesuatu yang baru. Sebaliknya, bentuk ini adalah lanjutan atau perluasan tradisi cerita dalam bentuk puisi tradisional (*cheyyul*) yang sudah menjadi tradisi dalam kesusasteraan Tamil. Pada zaman *sangam* iaitu zaman kesusasteraan klasik Tamil yang merangkumi tempoh 300 sebelum masihi hingga 300 masihi, Teknik penceritaan adalah berbentuk *cheyyul*. Karya sastera klasik *kalitthogai* mengandungi

unsur-unsur cerita pendek dalam memerihalkan aspek kehidupan luaran dan dalaman (Aham dan Puram) masyarakat India (Agilan, 2002).

Cerpen ialah sepatah akronim iaitu singkatan dua patah perkataan yang dibentuk daripada kata cerita dan pendek (Othman Puteh, 1983). Cerpen diklasifikasikan dalam bentuk kesusasteraan moden. Cerpen adalah salah satu genre yang paling popular yang membawa isu-isu masyarakat di dalam kehidupan (Jais Sahok, 1999).

Cerpen tergolong dalam kategori karya sastera kreatif-imaginatif, genre cereka dan prosa naratif. Jika diperhatikan secara mendalam, cerpen mempunyai sejarahnya yang tersendiri dalam masyarakat. Terutamanya dalam bentuk majalah, surat khabar dan buku. Maka tidak mustahil jika cerpen dikatakan genre prosa baharu yang paling diminati, disenangi dan dihayati. Oleh sebab itu, cerpen bukan lagi bahan bacaan





ringkasan, malah menjadi genre yang popular dan memiliki nilai sastera yang tinggi. (Othman Puteh, 1997).

Manakala Krishnan Maniam (1993), menyatakan bahawa walaupun cerpen merupakan suatu genre yang membawa kisah yang singkat dan hanya menceritakan suatu sudut kehidupan, tetapi cerpen mempunyai sifat yang lengkap. Unsur-unsur tema, plot, watak, latar menjadi sangat penting bagi sesuatu cerpen yang baik.

Ali Ahmad (1978), pula mendefinisikan cerpen sebagai sejenis cereka yang tercipta dalam peradaban moden. Ia muncul dari pencarian betul bagi memuatkan cerita-cerita yang lebih munasabah berdasarkan kebenaran pengalaman manusia yang dialami pada setiap hari. Oleh itu, cerpen adalah satu bentuk sastera yang sangat terbatas oleh bentuknya yang pendek, pelukisan watak dan pengalaman jiwa yang sangat terhad.

Menurut Hashim Awang (1981), cerpen ialah satu bentuk cereka pendek yang membawa persoalan bagi menghasilkan suatu kesan tertentu yang indah. Ia memusatkan daripada satu watak dalam suatu situasi di suatu tempat dan ketika cerpen sebenarnya mampu menjadi alat mendidik manusia dan masyarakat. Setiap cerpen memberi pengajaran kepada pembaca. Cerpen bukan sahaja menjadi bahan pengisian masa lapang malah menjadi bahan yang boleh bertukar minda kepada pembaca.





### 1.9.7 Akhbar

Media menyiarkan saluran untuk menyampaikan mesej dan maklumat. Media massa ialah sebaran am yang mempunyai atau menyiarkan maklumat melalui media cetak dan elektronik kepada orang ramai. Kamus Dewan edisi kedua (2016), mendefinisikan akhbar ialah surat khabar, khabar, berita. Sementara khabar dapat difahami sebagai agensi yang menghasilkan berita untuk disebarluaskan kepada khalayak. Dalam masyarakat yang pesat membangun, akhbar menduduki tempat yang penting, khususnya sebagai pemberitahu tentang apa-apa yang berlaku dimana-mana sahaja (Awang Sariyan, 1981). Surat khabar dan majalah laluan bagi perkembangan kesusastraan yang pesat menunjukkan satu lagi bentuk sastera kreatif Tamil, iaitu cerpen dihasilkan



Akhbar dan para wartawan terutamanya dalam negara yang membangun mempunyai peranan yang tertentu dan mereka juga seperti golongan professional yang lain memikul beban tanggungjawab yang berat (Jamaludin Idris, 1996). Apatah lagi apabila media massa ini berfungsi dalam masyarakat yang bukan sahaja sedang pesat membangun tetapi juga masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini. Dengan ini, wartawan dan akhbar khususnya memikul tanggungjawab yang lebih besar iaitu memastikan agar kegiatan mereka tidak bercanggah dan tidak menghalang arus pembangunan negara.

Fungsi akhbar adalah sebagai alat penyampai maklumat kepada masyarakat. Dalam konteks ini maklumat yang disampaikan berkaitan dengan dasar kerajaan dan





ilmu pengetahuan membolehkan masyarakat membuat keputusan dan bertindak seperti yang diingini (Jamudin Idris, 1996).

Berger (1991), menyatakan bahawa berita adalah sesuatu yang terkini yang dipilih oleh wartawan untuk dimuatkan dalam akhbar sehingga mendapat perhatian daripada pembaca. Daripada pendapat di atas, dapat memperkuatkan pernyataan pengkaji bahawa berita pada media massa khususnya akhbar mempunyai kemampuan memberikan informasi tentang sesuatu hal yang menarik dan bermanfaat bagi pembacanya. Akhbar diterbitkan untuk menyampaikan hal-hal baru untuk memikat para pembacanya.



## 1.10 Kesimpulan

Cerpen-cerpen dalam surat khabar menggambarkan dan mencerminkan masalah wanita mengikut peredaran masa. Cerpen-cerpen yang dikaji dikategorikan dalam aliran realisma kerana masalah kaum wanita yang digunakan olehnya dalam cerpen berkaitan dengan realiti dan senario yang sebenarnya berlaku dalam kalangan masyarakat berbangsa India di Malaysia.

Dalam konteks ini, istilah cerpen yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang dikonsepkan oleh Agilan, iaitu cerpen dilihat sebagai genre sastera yang bersifat mengetengahkan sesuatu kejadian, satu masalah kehidupan ataupun menceritakan perwatakan satu karektor dalam cerpen.





Setiap cerpen memikul nilai yang berfaedah kepada masyarakat. Setiap nilai memberi pengajaran kepada pembaca. Hal ini kerana, setiap penulis secara tidak langsung memikul tanggungjawab untuk memberikan kesedaran kepada para pembaca untuk mengikis gejala negatif yang berlaku dalam masyarakat India dan juga membentuk insan yang mulia menerusi karya mereka.

Kajian ini melahirkan kesedaran kaum wanita untuk berjaya dalam kehidupannya tanpa bantuan orang lain. Hal ini juga melahirkan wanita yang berani menerima sebarang kesusahan dan memperjuangkan hak asasnya. Kaum wanita juga dapat hidup dengan penuh bebas tanpa penindasan bantuan kaum lelaki.



jelas dan tepat dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji. Konsep citra, perjuangan dan kedudukan wanita digunakan untuk menerangkan kajian yang dipaparkan dalam cerpen Tamil.

